

Singapura sedia terima laporan

UM 1 2 MAR 2002

Oleh ASUKI ABAS

PUTRAJAYA 11 Mac — Singapura sedia menerima laporan dari Malaysia sekiranya kerja-kerja menambak laut yang dilaksanakan oleh republik itu terbukti menjejaskan ekologi dan sempadan perairan negara ini.

Republik itu juga akan mengkaji cadangan terbaru pakej air yang dihantar oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada Menteri Kanan, Lee Kuan Yew, pada minggu lalu sebelum membuat rundingan lanjut.

Kedua-dua perkara itu adalah antara rumusan daripada pertemuan antara Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan rakan sejawatannya dari Singapura, Brig. Jen (b) Lee Hsien Loong di sini hari ini.

Ia sedikit sebanyak dilihat sebagai membuka jalan lebih baik kepada usaha untuk menyelesaikan kedua-dua isu itu yang kini mengganggu hubungan kedua-dua negara.

Abdullah berkata, Singapura sedia menerima nota laporan dari Malaysia itu sekiranya penambakan laut oleh republik itu disahkan menjejaskan alam sekitar dan sempadan perairan negara.

Pertimbangan

Katanya, Lee turut memberi jaminan bahawa republik itu juga akan memberikan pertimbangan sewajarnya terhadap kajian yang sedang dijalankan oleh Malaysia itu.

"Beliau (Lee) menyatakan Singapura sedia menerima nota (laporan) dari Malaysia yang menjelaskan semua perkara yang dilihat menjejaskan kedudukan atau kawasan sempadan antara kedua-dua negara.

"Mengikut adatnya kalau rakan menghantar surat tentulah mereka perlu menjawab," katanya kepada pemberita selepas pertemuannya dengan Lee di sini.

Lee yang dalam rangka lawatan ke Malaysia selama empat hari mulai hari ini mengadakan pertemuan selama lebih sejam dengan Abdullah sebelum mengunjungi Dr. Mahathir di pejabat masing-masing

■ Lihat muka 4

UM 1 2 MAR 2002

Singapura sedia terima laporan

di sini hari ini.

Menurut Abdullah, Lee telah menjelaskan kepadanya mengenai kerja-kerja menambak itu dan menyatakan ia dilakukan di dalam perairan Singapura tanpa menjejaskan sempadan perairan Malaysia.

"Bagaimanapun saya tetap menyampaikan kebimbangan rakyat Malaysia mengenai kemungkinan terdapat kesan sampingan.

"Tetapi kita kenalah membuat satu kajian bagi memastikan apa sebenarnya yang berlaku berikutan penambakan itu," ujarnya.

Sementara itu, Lee yang ditemui kemudiannya berkata, Singapura memerlukan sedikit masa bagi mengkaji cadangan terbaru pakej air yang dikemukakan oleh Dr. Mahathir.

Katanya, cadangan itu telah diterima oleh Kuan Yew tetapi kajian lanjut mengenai kesannya perlu dibuat memandangkan ia melibatkan formula baru termasuk harga air.

"Kami memerlukan sedikit masa untuk mengkaji implikasinya serta apa makna formula baru bagi harga air yang terkandung di dalamnya.

"Selepas itu barulah kita akan berjumpa semula dan membincangkan semua perkara itu," katanya merujuk kepada pakej air yang gagal diselesaikan walaupun Dr. Mahathir dan Kuan Yew telah mencapai persetujuan secara dasar pada September lalu.

Selain penjualan air mentah oleh Malaysia kepada Singapura, pakej itu turut melibatkan pertikaian mengenai pembangunan tanah milik KTM Bhd. dan status pusat Kastam, Imigresen dan Kuarantin di Stesen KTM di Tanjung Pagar, Singapura.

Dua lagi isu ialah penggunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura dan pengeluaran wang caruman dari Kumpulan Wang Simpanan Pusat Singapura oleh pekerja dari Semenanjung Malaysia.

Tambahan

Dr. Mahathir dan Kuan Yew juga bersetuju dengan cadangan tambahan Malaysia mengenai pembinaan jambatan baru menghubungkan kedua-dua negara dan merobohkan Tambak Johor selepas jambatan baru itu siap pada 2007.

Bagaimanapun, para pegawai kedua-dua negara yang mengahului persetujuan tersebut pada akhir tahun lalu gagal mencapai kata sepakat berikutan tidak sefahaman mengenai harga air.

Lee bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai isi cadangan yang dikemukakan oleh Dr. Mahathir itu.

"Seperti yang saya katakan, biarlah kami kaji dulu perkara itu kerana tidak ada apa yang boleh membantu sekiranya perkara ini dirundingkan di peringkat umum," katanya.